

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN ]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan prinsip-prinsip utama dalam merangka strategi jangka panjang bagi menangani isu gangguan kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan amat prihatin dan menyedari bahawa isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja merupakan satu agenda penting dan perlu diberi perhatian serius. Justeru, KKM telah menggariskan beberapa strategi di bawah **Pelan Tindakan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan** bagi menangani isu dan masalah ini. Strategi yang dirangka melibatkan aktiviti seperti berikut:

**1. Sesi advokasi melalui aktiviti promosi kesihatan mental kepada kumpulan sasaran**

Sesi advokasi kesihatan mental ini adalah melibatkan kumpulan sasaran di peringkat sekolah dengan menerapkan komponen kesihatan mental ke dalam sistem pendidikan melalui penyampaian pengetahuan, sikap dan kemahiran yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak dan remaja. Strategi ini dirangka untuk meningkatkan kesejahteraan kesejahteraan kesihatan mental di kalangan kanak-kanak dan remaja.

**2. Memperkukuhkan program kesihatan mental di sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi menerusi Program Minda Sihat**

Program Minda Sihat di sekolah adalah bertujuan untuk membantu kawalan emosi murid kesan daripada penularan pandemik atau dari sebarang krisis. Program ini dilaksanakan bagi mempromosikan penjagaan kesihatan mental termasuklah kemahiran daya tindak (*coping skills*) dan resilien dalam kalangan pelajar. Pelajar yang disaring dan dikenal pasti memerlukan intervensi akan dirujuk untuk rawatan lanjut.

**3. Penganjuran kempen dan ceramah kesedaran serta kemahiran keibubapaan.**

## SOALAN NO. 40

Kempen ini dianjurkan dengan kerjasama bersama KPWKM yang mengetengahkan kemahiran keibubapaan, program advokasi serta penerapan nilai murni kekeluargaan.

### 4. **Sesi libat urus bersama agensi yang berkaitan**

Sesi libat urus (*engagement*) juga telah dilaksanakan bersama pelbagai Kementerian dan agensi seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (*IYRES*) di bawah Kementerian Belia dan Sukan serta pihak NGO seperti *NGO Child Care* bagi menangani isu permasalahan kesihatan mental di kalangan kanak-kanak dan remaja secara bersepadu.

Sekian, terima kasih.